

SULIT

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
2 ½ jam



PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

TAHUN 2007

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

1103/2@2007 Hak Cipta PKPSMM Melaka

[Lihat sebelah
SULIT

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang usaha-usaha kerajaan menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pengekak perpaduan kaum dan kepentingan perpaduan kaum di sekolah. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Timbalan Perdana Menteri Malaysia menegaskan dalam ucapannya, “Saya mahukan semua rakyat Malaysia mengenang kembali tokoh yang mula-mula sekali menanamkan butir-butir perpaduan dan keharmonian antara kita, yang membungakan perpaduan dan yang telah menyatukan kita sebagai sebuah keluarga.” Oleh sebab itu, keputusan kerajaan untuk menyusun semula sistem pendidikan kebangsaan adalah langkah yang dialu-alukan.

Sebenarnya, kejayaan dan kewujudan Malaysia banyak bergantung pada kebolehan masyarakat yang berbilang bangsa dapat hidup dan bekerjasama seperti yang dilaungkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman dan ahli politik serta para pemimpin pada masa lampau. Lantaran itu, kita tidak boleh memandang ringan tentang isu perpaduan yang sememangnya wujud dalam negara. Dalam hal ini, perhatian perlu diberi terhadap komen yang berkaitan dengan isu polarisasi seperti yang dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia dan timbalannya sejak kebelakangan ini. Langkah penstrukturan semula sekolah seperti ini diharapkan akan dapat meningkatkan imej sekolah kebangsaan di samping menjadikan sekolah kebangsaan lebih menarik kepada semua bangsa.

Bidang pendidikan dikatakan mampu menjadi *wadah paling berkesan* lagi praktikal bagi merealisasikan hasrat pemimpin negara, terutamanya melalui sistem pendidikan kebangsaan. Pemimpin negara menjadikan sekolah kebangsaan sebagai nukleus masyarakat Malaysia, iaitu dalam keadaan kanak-kanak berlainan bangsa membesar, bermain dan mendapat pendidikan bersama-sama. Sementelahan itu, untuk menangani polarisasi kaum memang merupakan suatu tugas yang berat, tetapi perkara itu amat perlu demi perpaduan negara. Pembentukan kurikulum baru untuk sekolah kebangsaan ini juga perlu diteliti agar mengambil kira keperluan murid daripada pelbagai bangsa dan keturunan.

Sekolah kebangsaan juga seharusnya menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil supaya dapat menggalakkan ibu bapa berbangsa Cina dan India menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan. Dalam melaksanakan hal ini, sekolah kebangsaan seharusnya dapat menyatupadukan semua bangsa dan mempamerkan keharmonian sosial masyarakat Malaysia. Pandangan oleh Timbalan Perdana Menteri bahawa sekolah vernakular dan sekolah kebangsaan seharusnya menganjurkan aktiviti bersama-sama sama ada yang berbentuk sukan atau bercorak sosial dengan tujuan untuk memupuk perpaduan dan keharmonian sosial. Tuntasnya, jika tindakan awal tidak diambil secara menyeluruh dan berkesan, fenomena polarisasi mungkin akan menjadi masalah yang sukar dikawal dan diselesaikan pada masa akan datang.

*(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana
“Sekolah Jadi Alat Kekal Perpaduan Kaum”,
Berita Harian 21 Mac 2003)*

Soalan 2 : Pemahaman
[35 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **wadah paling berkesan**. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah Malaysia dapat mewujudkan masyarakat majmuk yang berjaya? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, selain melalui sistem pendidikan, apakah langkah-langkah untuk mengekalkan perpaduan kaum? [4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pentas terang: Tuta-tuta bangun dan mula melangkah ke arah Putra. Srisegala mengangkat tangannya.

SRISEGALA: Nanti!! ... Aku fikir orang muda ini tentulah bukan sebarang pelakon. Kalau tidak tentunya dia tak akan mahu berlakon di hadapan kita di sini. Datangnya tidak diminta. Bukankah itu satu keuntungan besar bagi kita? Kita akan berpeluang melihat lakonan daripada seseorang pelakon handalan. Orang muda! Teruskan lakonanmu.

PUTRA: Bila aku berlutut tidak bererti aku menyembahmu. Dan kalau aku meminta bukannya pada tempat dudukmu atau bunyi gong di belakangmu itu. Aku sekadar mahu bicara dengan dirimu sebagai seorang manusia. Kerana aku cukup tahu, setiap haiwan yang bernama manusia hidup dengan fikiran dan perasaannya. Dan dia tak akan terpisah dari apa yang dinamakan KEMANUSIAAN!

SRISEGALA: (*Ketawa sinis*) Orang muda! Kau tak pernah mengingati perkembangan dunia hari ini agaknya. Tahukah kau bahawa fikiran dan perasaan manusia itu adalah di bawah kekuasaan tempat duduknya? Kerusi ini lebih bijaksana dariku. Begitu juga bunyi sebuah gong, menguasai siapa saja yang menduduki tempat ini.

Putra: Tidak! Itu hanya alasanmu. Sejak bilakah kau berikan nyawa pada sebuah kerusi dan sebuah gong yang kaku? Kau adalah punca segala-galanya. Dan aku cukup tahu selama kau di situ, hanya segelintir manusia saja yang akan berjaya mendaki gunung mencapai awan. Manusia yang sama bulunya denganmu. Aku dan orang-orang itu akan dihiburkan dengan lakonanmu. Kau membawa kami ke dunia tiga penjuru dengan segala janji bahawa penjuru itu lebih baik dari yang itu, dan yang ini lebih baik lagi. Aku sudah tahu dunia tiga penjurumu itu sama semuanya. Tidak ada yang lebih baik!

(Dipetik daripada drama
"Kerusi," dalam antologi *Kerusi*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan sifat-sifat SRISEGALA mengikut pandangan PUTRA. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda mengapakah kita perlu menentang pemerintah yang zalim? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** persoalan lagi daripada keseluruhan drama tersebut. [3 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kata Tun Mamat, "Kami orang Melaka, nama kami Tun Mamat, dititahkan oleh Sultan Melaka memining Puteri Gunung Ledang ini. Laksamana dan Sang Setia ada di bawah gunung ini: tiada boleh naik; akan hamba disuruhnya. Dan tuan hamba ini siapa? Dan apa nama tuan hamba?"

Maka sahut perempuan itu. "Nama hamba Dang Raya Rani. Hambalah pengetua Tuan Puteri Gunung Ledang. Nantilah hamba di sini biar hamba persembahkan segala kata tuan hamba ini pada tuan puteri."

Maka Dang Raya Rani dengan keempat perempuan sertanya itu pun lenyaplah. Ada sekadar sesaat, maka kelihatan perempuan tua, bongkok belakangnya, berlipat tiga. Maka ia berkata pada Tun Mamat, "Adapun segala kata-kata tuan hamba itu sudahlah dipsembahkan oleh Dang Raya Rani pada Puteri Gunung Ledang.

Akan titah tuan puteri, "Jikalau Raja Melaka hendakkan aku, perbuatkan aku jambatan emas satu, jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang ini. Akan

peminangannya, hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air mata setempayan, air pinang muda setempayan, dan darah raja semangkuk, dan darah anak raja yang bernama Raja Ahmad itu semangkuk. Jikalau boleh demikian, kabullah tuan puteri akan kehendak Raja Melaka itu.”

Telah sudah ia berkata-kata demikian lenyaplah ia.

(Dipetik daripada
“Peminangan Puteri Gunung Ledang,”
dalam antologi *Anak Lau*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah tujuan Tun Mamat ke Gunung Ledang? [2 markah]
- (ii) Gambarkan keadaan fizikal utusan kedua Puteri Gunung Ledang yang menemui Tun Mamat. [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Sultan Mahmud, wajarkah anda memenuhi syarat-syarat Puteri Gunung Ledang? Berikan alasan-alasan anda. [3 markah]

Soalan 2(d) - Petikan Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Di Kota Kecilku

Di sini aku pulang
tempat bersekolah dan dibesarkan
lewat Padang Speedy
terus ke Durian Sebatang
semuanya kini terasa kecil
mengimbau rindu
dan kenangan.

Di sini anak belasan tahun
mulai mengenal cinta dan ilmu
pengorbanan ayah dan emak
keakraban teman dan pergelutan
detik itu mengambang bagai mimpi
sewaktu kulewati kota kecilku ini.

Sesaat tiba di muka sekolah
telah lama kutinggalkan
kini sudah berubah
terasa sepi
suara guru yang memberikan markah
pada pangkat pertama
buat si anak desa
dan ayahku tak berkata bangga.

Di sini anak desa
menenal dunia
di kota kecilnya
padang Speedy
dan Durian Sebatang
meski berubah pandangan
mengimbau rindu dan kenangan
sayang.

Baha Zain

Antologi Kerusi,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Apakah maksud *mengimbau rindu dan kenangan*? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda mengapakah ayah penyajak tidak menunjukkan rasa bangga atas kejayaan penyajak? [3 markah]
- (iii) Nyatakan empat pengajaran yang diperoleh daripada sajak ini. [4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis satu ayat bagi setiap pasangan perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) terang - terang-terang
- (ii) para - para-para
- (iii) api - api-api

[6 markah]

(b) Tulis semula perbualan di bawah ke dalam bentuk rencana.

(Mei Li dan Shanti sedang berada di perpustakaan)

Adam: Apa yang kamu bincangkan tu?

Mei Li: Matematik.

Adam: Latihan Cikgu Normah ke?

Shanti: Taklah! Kami ni ulangkaji untuk SPM.

Adam: *(Bertanya dengan nada risau)* Berapa lama lagi SPM tu?

Mei Li dan Shanti: *(Menjawab serentak)* Tinggal tiga bulan je, baik kita sedia sekarang.

[6 markah]

(c) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Pasangan pengantin itu disiram dengan air mawar diatas panca persada .
- (ii) Jaguh sukan yang baru memenangi johan itu telah ditemuramah oleh wartawan sekembalinya ke tanah air.
- (iii) Pihak urusetia persatuan yang mengambil bahagian dalam pameran itu diminta mengengahkan laporan kepada pihak penganjur.

[6 markah]

(d) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Pelantikan Putera Mahkota itu sebagai Raja Muda telah mendapat liputan luas dari akhbar-akhbar tempatan.
- (ii) Tindakan tatatertib akan dikenakan di kalangan murid yang didapati melanggar peraturan sekolah yang telah ditetapkan.
- (iii) Taman ASEAN Mini yang terletak di negeri Melaka telah kami hadiri pada hujung minggu lalu.

[6 markah]

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian terbitkan tiga peribahasa yang sesuai dengan petikan tersebut.*

Menuntut di luar negara memang menjadi impian setiap insan. Begitu juga dengan Ain Sadiyah yang telah berusaha gigih untuk mencapai cita-citanya. Sepanjang berada di negara Jepun, banyak lokasi yang sempat dilawatinya. Kunjungannya banyak memberi manfaat kepada dirinya kerana dia mendapat banyak pengetahuan. Kini, sudah lima tahun Ain Sadiyah berkhidmat di negara tercinta. Walaupun kenangan di negara Jepun begitu indah dan menarik tetapi tinggal di Malaysia tetap menjadi pilihan Ain Sadiyah kerana di negara inilah tempat lahirnya.

[6 markah]

Soalan : Novel[15 *markah*]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Hj. Muhammad

(a) Jelaskan latar masa dan peristiwa berdasarkan novel yang anda telah pelajari.

[7 *markah*]

(b) Bandingkan watak utama dalam dua buah novel yang anda telah kaji.

[8 *markah*]**KERTAS SOALAN TAMAT**